



National Mortgage Corporation of Malaysia

REKOD PENCAPAIAN TERTINGGI BAGI CAGAMAS DENGAN TERBITAN PELBAGAI BERJUMLAH RM4.8 BILION UNTUK PEMBELIAN PEMBIAYAAN RUMAH ISLAMIK DAN PINJAMAN PERUMAHAN KONVENTSIONAL

Kuala Lumpur, 6 November 2023 – Cagamas Berhad (“Cagamas” atau “Syarikat”), Perbadanan Cagaran Malaysia, mengumumkan kejayaan memuktamadkan terbitan dana agregat berjumlah RM4.8 bilion pada bulan Oktober, dana terkumpul bulanan tertinggi bagi tempoh setakat tahun ini. Terbitan bon/nota Syarikat itu terdiri daripada Kertas Komersial Islam (ICP) 3 bulan berjumlah RM180 juta, Nota Jangka Sederhana Islam berbilang tempoh (IMTN) berjumlah RM3.5 bilion, Nota Jangka Sederhana Konvensional berbilang tempoh (CMTN) berjumlah RM465 juta, Nota Jangka Sederhana 1 tahun berjumlah SGD150 juta (bersamaan RM520 juta) dan RM158 juta melalui saluran pembiayaan lain. Dana yang dikumpulkan daripada terbitan itu digunakan bagi pembelian pembiayaan rumah Islamik dan pinjaman perumahan konvensional daripada institusi kewangan domestik.

“Kejayaan memuktamadkan aktiviti pengumpulan dana pada bulan Oktober dalam tempoh berlakunya ketaktentuan global dalam pasaran pendapatan tetap dan turun naik melampau akibat ketegangan geopolitik, mencerminkan komitmen Cagamas bagi menyokong sistem kewangan domestik. Ini menekankan peranan kami dalam menyediakan mudah tunai kepada peminjam utama pembiayaan dan pinjaman perumahan sebagai perbadanan cagaran sekunder,” kata Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Kameel Abdul Halim.

“Permintaan kukuh daripada kalangan pelabur tempatan dan asing juga membolehkan Syarikat menetapkan harga terbitan secara kompetitif melebihi paras Sekuriti Kerajaan Malaysia yang sepadan,” tambah Kameel.

Agregat dana terkumpul Syarikat bagi tempoh setakat tahun ini berjumlah RM24.03 bilion, termasuk aktiviti pengumpulan dana bulan Oktober. Bon denominasi SGD yang diterbitkan melalui Cagamas Global P.LC., anak syarikat milik penuh Syarikat, dijamin sepenuhnya dan tanpa syarat oleh Cagamas manakala terbitan Ringgit, yang akan ditebus pada nilai nominal penuhnya apabila matang, merupakan obligasi tidak bercagar Syarikat, berkedudukan setara (pari passu) dengan semua obligasi tidak bercagar syarikat ini yang sedia ada.



National Mortgage Corporation of Malaysia

Mengenai Cagamas

Cagamas Berhad (Cagamas), Perbadanan Cagaran Malaysia, telah ditubuhkan pada 1986 untuk menggalakkan tebaran pemilikan rumah yang lebih luas dan pertumbuhan pasaran gadai janji sekunder di Malaysia. Ia menerbitkan bon dan sukuk untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan daripada institusi kewangan dan bukan institusi kewangan. Penyediaan mudah tunai kepada institusi kewangan pada kos yang berpatutan kepada pemberi pinjaman utama pembiayaan perumahan menggalakkan pengembangan pembiayaan untuk rumah pada kos yang berpatutan.

Model Cagamas memperoleh pujian daripada Bank Dunia sebagai kemudahan mudah tunai gadai janji sekunder yang paling berjaya. Cagamas merupakan penerbit instrumen hutang kedua terbesar selepas Kerajaan Malaysia dan penerbit bon korporat dan sukuk AAA terbesar dalam pasaran. Sejak diperbadankan pada tahun 1986, Kumpulan Cagamas telah mengumpulkan dana secara kumulatif kira-kira RM418.49 bilion bon korporat dan sukuk serta saluran pembiayaan lain.

Bon dan sukuk Cagamas terus diberikan penarafan tertinggi AAA/Stabil/P1 oleh RAM Rating Services Berhad dan AAA/MARC-1 dan AAAIS/MARC-1_{IS} oleh Malaysian Rating Corporation Berhad, menandakan kualiti kreditnya yang kukuh. Cagamas juga dipuji di peringkat antarabangsa dan telah diberikan penarafan penerbit jangka panjang dalam mata wang tempatan dan asing A3 oleh Moody's Investors Service Inc. yang selaras dengan penarafan kedaulatan Malaysia.

Cagamas Berhad

No. Pendaftaran Cagamas Berhad 198601008739 (157931-A)

Tingkat 32, The Gardens North Tower

Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra 59200 Kuala Lumpur

Tel: +603 - 2262 1800 | Faks: +603 - 2282 9125

www.mycagamas.com.

Pertanyaan Media

Leanne Susau

Tel: +603 - 2262 1719

communications@cagamas.com.my

Lucia Wee

Tel: +603 - 2262 1868

communications@cagamas.com.my